

PM: Tindakan undang2 akan diambil

KUALA LUMPUR 11 Julai — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberi amaran Barisan Nasional akan mengambil tindakan undang - undang ke atas mana-mana wakil rakyatnya yang didapati "melompat" ke parti lain kerana disogok wang atau lain-lain cara yang melibatkan perbuatan rasuah.

Perdana Menteri juga menegaskan jika ada wakil rakyat yang tidak bersetuju lagi dengan partinya dan hendak memasuki parti lain ia patut mengosongkan tempatnya sebab mereka bertanding dan dipilih oleh rakyat atas pencalonan parti asal mereka.

Beliau yang juga Peng-erusi Barisan Nasional mengingatkan demikian dalam ucapannya semasa merasmikan Perhimpunan Agung MCA Ke-34 di Dewan San Choon, Wisma MCA di sini pagi ini.

Dalam ucapan itu Datuk Sri Dr. Mahathir antara lain turut melahirkan rasa kecewa kerana mendapati akhir-akhir ini prinsip toleransi, tolak ansur dan kerjasama di kalangan parti komponen Barisan Nasional nampak agak tergugat sedikit.

Tanpa menyebut kes-kes berkenaan yang berlaku, Perdana Menteri berkata satu gejala politik yang perlu diawasi di negara ini ialah kegiatan memindah kesetiaan wakil rakyat dari satu parti ke parti lain.

"Jika pemindahan ini adalah kerana perbezaan pendapat atau ideologi, ini tidak mengapa walaupun agak tidak baik dari segi etika.

"Apa yang menjadi semakin jelas ialah pemindahan ini ialah kerana wakil rakyat itu disogok atau

Oleh
Rosli Ismail

dijanjikan wang atau sesuatu yang lain. Perbuatan seumpama ini tidak berbeza dengan penerimaan rasuah untuk tujuan tertentu," ujarnya.

Perdana Menteri menegaskan rasuah dalam apa bentukpun tidak boleh dipandang ringan oleh masyarakat atau kerajaan.

"Jika didapati bahawa pemindahan kesetiaan mana-mana wakil rakyat adalah kerana disogok wang atau lain-lain cara yang sedemikian, siasatan akan dibuat terhadap wakil berkenaan dan jika didapati benar, tindakan undang - undang akan diambil terhadapnya," tegasnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata politik wang tidak boleh dibenarkan berleluasa di negara ini kerana jika kerajaan sudah boleh dibeli maka bukan saja demokrasi tidak bermakna lagi tetapi juga negara ini mudah diperkosa oleh orang yang kaya dan lebih buruk lagi kuasa asing.

Oleh sebab itu, tambahnya, kerajaan memandang berat terhadap sebarang kegiatan yang cuba menjatuhkan kerajaan dengan menggunakan wang.

Perdana Menteri juga mengulangi seruannya ke-

pada parti - parti komponen supaya menggunakan saluran yang sedia ada antara parti untuk membincangkan apa-apa masalah dan rasa tidak puas hati yang berbangkit.

Katanya akhir-akhir ini beliau mendapati prinsip toleransi, tolak ansur dan kerjasama nampaknya agak tergugat sedikit.

"Terdapat pihak-pihak tertentu yang telah membelakangkan prinsip musyawarah kita ini, prinsip sepakat dan prinsip saling hormat - menghormati.

"Terdapat juga kalangan parti komponen dan pihak-pihak yang kerap dan nyaring menyuarakan sesuatu tanpa mengambil kira asal-usul perkara yang dibangkitkan itu dan tanpa memperhitungkan akibat tindakan gopoh mereka," katanya.

Menurutnya, jika sesua-

LIHAT MUKA 11

Tindakan undang-undang akan diambil

su isu yang dianggap penting itu dibincangkan secara terbuka dan tidak tertutup faktor "public posture" akan menyulitkan usaha ke arah penyelesaian.

Katanya, perjuangan Barisan Nasional dan perjuangan kerajaan yang dibentuk oleh Barisan Nasional adalah untuk menentukan Malaysia terus aman, makmur, stabil dan tente-

ram.

"Tetapi jika kita tidak berjaga-jaga kestabilan yang telah kita capai akan hilang," tambahnya.

Perdana Menteri berkata adalah tidak menjadi satu kesalahan bagi parti-parti komponen berjuang untuk memajukan kedudukan sosio-ekonomi dan juga politik masyarakatnya sendiri.

"Bagaimanapun dalam kita memperjuangkan kepentingan kaum sendiri kita mestilah sentiasa berpandu dan mengamalkan kesederhanaan dan bersikap rasional dalam setiap kegiatan kita.

"Kita mestilah sentiasa berhati-hati dalam membuat apa-apa tuntutan jika hendak mengelakkan diri dari dituduh bertindak keterlaluan," ujarnya.

Beliau meminta semua pihak yang berkenaan membuat pengorbanan demi kebaikan bersama untuk mengelakkan berlaku seperti pepatah "kalah sabung, menang sorak."

Sambil memetik satu pepatah Inggeris lain yang berbunyi "separuh dari sebuku roti adalah lebih baik dari tidak ada roti langsung", Datuk Sri Dr.

Mahathir gembira kerana kepimpinan di kalangan komponen Barisan Nasional masih sanggup memimpin ke arah kesederhanaan.

"Ini supaya kita dapat separuh - kurangnya "separuh dari sebuku roti" dan kita korbakan yang setengah lagi. Harus kita ingat pihak lain juga mesti menjaga kredibiliti mereka dan perlu menerima "separuh lagi dari roti itu". Inilah falsafah Barisan Nasional yang memberi kejayaan kepada kita sejak merdeka," katanya.

Perdana Menteri menambah, "Malaysia pada umumnya mempunyai cukup kemudahan untuk menampung keperluan asas masyarakatnya tetapi Malaysia tidak dapat memenuhi kehendak orang-orang yang tamak.